# BUKU RAMALAN SPM TERBAIK!



PASTI SKOR .COM.MY

# PRINSIP PERAKAUNAN



# Hi! Selamat Datang Ke PastiSkor

1. Buku ini disediakan melalui analisis soalan-soalan SPM sebenar, soalan-soalan percubaan SPM 2023 dan input guru yang berwibawa.

   Hanya soalan-soalan yang penting, mungkin berulang dan mempunyai peluang yang tinggi untuk keluar dalam SPM disediakan dalam buku ini.

2. Buku ini mengandungi **Ramalan SPM 2023, Satu set kertas 1 dan Tiga set kertas 2** dengan **jawapan lengkap**.

3. Cara menggunakan buku ini :

   Sila jawab semua soalan dan semak jawapan anda dengan skema pemarkahan yang disertakan.

PASTISKOR

**Semoga Berjaya**
**Daripada Semua Tenaga Pengajar Di Pastiskor!!**

PASTI SKOR

# RAMALAN PRINSIP PERAKAUNAN 2023

**TINGKATAN 4**

| BAB | TOPIK |
|---|---|
| 2 | Persamaan Perakaunan |
| 4 | Buku Tunai |
| 5 | Lejar (Bentuk T)<br>Akaun Kawalan Belum Terima<br>Akaun Kawalan Belum Bayar |
| 8 | Akaun Pelarasan<br>APUR/PKK |

**TINGKATAN 5**

| BAB | TOPIK |
|---|---|
| 2 | Kaedah Perbandingan |
| 3 | Penyata Penyesuaian Bank<br>Belanjawan Tunai |
| 4 | Penyata Kewangan Perkongsian<br>Pembubaran Perkongsian (Realisasi) |
| 6 | Kelab & Persatuan (Yuran Ahli) |
| 7 | Titik Pulang Modal (TPM) |

PASTISKOR 2023

# ANALISIS SOALAN-SOALAN PERCUBAAN SPM PRINSIP PERAKAUNAN 2023 UNTUK NEGERI TERPILIH SAHAJA

| | | Selangor | Melaka | N9 | Terengganu | MRSM | Perak |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| **No Modul** | **Tajuk Modul** | **K2** | **K2** | **K2** | **K2** | **K2** | **K2** |
| 1 | Pengenalan kepada Perakaunan | 1 (a) | 1 (a) | | 1(a) | 1 (a) (b) | 1(a) |
| 2 | Klasifikasi Akaun dan Persamaan Perakaunan | 1 (b) 3(c) | 5 (b) | 1(a)(b) 6(b) | 1(b) 6 (b) | 5(a) | 1(b) 5(a) |
| 3 | Dokumen Perniagaan sebagai sumber maklumat | | 6 (a) (b) | 1(e) | | 4(a) 6 | 4(a) 5 (a) |
| 4 | Buku Catatan Pertama | 1 (c) | 1 (b) 6 (c) | 1(c) 5(b) | | | |
| 5 | Lejar | 3 (b) 4(c) 5 (a,b) | 4 (b) | 3 (b,c) | | | |
| 6 | Imbangan Duga | | | | | 1(c) 4 (a) | |
| 7 | Penyata Kewangan Milikan Tunggal tanpa pelarasan | | | | | | |
| 8 | Pelarasan Pada Tarikh Imbangan dan penyediaan Penyata Kewangan Milikan Tunggal | 2 (a,b) 3(f) 5(c) | 2 (a,b) 3(b) 4(c) | 2 (a,b) 3(d,f) | 2(b,d) 3(b) 4 (a,b) 6(a) | 2(b,d) 3(a,b) | 2(b,d) 3(a,b) |
| 9 | Pembetulan Kesilapan | | | | | | |
| 10 | Analisis dan Tafsiran Penyata Kewangan untuk Membuat Keputusan | 1 (d) | 1 (c) 4 (d) | 6 | 1(e) | | 1(e) |
| 11 | Rekod Tak Lengkap | | 1 (d) | 5 (a) | 1 (d) | 3 (c) | 1 (d) |
| 12 | Perakaunan untuk Kawalan Dalaman | 4(a,b) | 5(a) | 4(b) | | 1(d) 4 (b) | 4(b) 6 |
| 13 | Perakaunan untuk Perkongsian | | 1 (e) | | | | |
| 14 | Perakaunan untuk Syarikat | 1 (e) | | | 1(c) | | 1 (c) |
| 15 | Perakaunan untuk Kelab dan Persatuan | 3(a,c,e) | 4(a) | 3 (a,e) | 2 (a)(c) | 2 (a)(c) | 2 (a)(c) |
| 16 | Perakaunan Kos | 6 | 3(a,c) | 1 (d) | 3 (a) | 5(b) | |

PASTISKOR 2023

## ANALISIS SOALAN SPM SEBENAR TAHUN-TAHUN YANG LEPAS

| BAB F4 | TOPIK | TAHUN 2012 | 2013 | 2014 | 2015 | 2016 | 2017 | 2018 | 2019 | 2020 | 2021 | 2022 |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 2 | **Persamaan** | | | | √ | | √ | | | √ | | |
| 3 | **Dokumen** | | | | | | | | | | | |
| 4 | **Jurnal-jurnal** | | √ | | | | | | | √ | √ | |
| | *Buku Tunai* | | | | √ | | √ | | | √ | | |
| | *Buku Tunai Runcit* | | √ | | | √ | | | | | √ | |
| 5 | **Lejar (Bentuk T)** | | | | | | | | | | | |
| | *Akaun Kawalan* | | | √ | | | | | √ | | | |
| 6 | **Imbangan Duga** | | | | | | | | | | √ | |
| 8 | **Penyata Kewangan** | | | | | | | | | | | |
| | *Akaun Pelarasan* | | | √ | | | | | | | | |
| | *APUR/PKK* | √ | | √ | √ | √ | √ | √ | √ | √ | | |
| 9 | **Pembetulan Kesilapan** | | | | | √ | √ | | √ | | √ | |

| BAB F5 | TOPIK | TAHUN 2012 | 2013 | 2014 | 2015 | 2016 | 2017 | 2018 | 2019 | 2020 | 2021 | 2022 |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | **Nisbah** | √ | | √ | | | √ | | √ | | √ | |
| 2 | **Rekod Tidak Lengkap** | | | | | | | | | | | |
| | *Kaedah Perbandingan* | | √ | √ | | | | | | | | |
| | *Kaedah Analisis* | | | | | | | √ | | | √ | |
| 3 | **Perakaunan Untuk Kawalan Dalaman** | | | | | | | | | | | |
| | *Penyata Penyesuaian Bank* | | √ | | √ | | √ | √ | | √ | | |
| | *Belanjawan Tunai* | | | | | | | | √ | | | |
| 4 | **Perakaunan Untuk Perkongsian** | | | | | | | | | | | |
| | *Penyata Kewangan Perkongsian* | √ | √ | | | | | √ | | | | |
| | *Pembubaran Perkongsian (Realisasi)* | | | | √ | | √ | | | √ | | |
| 5 | **Syer Keutamaan & Biasa** | | √ | | | √ | | | | √ | | |
| 6 | **Kelab & Persatuan (Yuran Ahli)** | | √ | | | √ | | | √ | | | |
| 7 | **Perakaunan Kos** | | | | | | | | | | | |
| | *Akaun Pengeluaran* | √ | | √ | | √ | | √ | | | √ | |
| | *Titik Pulang Modal (TPM)* | | | √ | √ | | | | | | | |

PASTISKOR 2023

## SET 1

## KERTAS 1

Kertas soalan ini mengandungi **40** soalan. Jawab **semua** soalan.

1. Pernyataan manakah yang menerangkan proses simpan kira?

   A. Mentafsir maklumat kewangan
   B. Menyediakan buku-buku rekod perakaunan
   C. Merekodkan urus niaga perniagaan secara sistematik
   D. Melaporkan prestasi kewangan sesebuah perniagaan bagi tahun semasa

2. Encik Abdul adalah pemilik Pasar Mini Isan. Manakah ciri perniagaan beliau?

   A. Liabiliti adalah terhad
   B. Modal disumbangkan oleh pemilik
   C. Dikenakan cukai atas pendapatan perniagaan
   D. Untung atau rugi dibahagi sama rata antara pemilik dan ahlinya

3. Pada tahun kewangan 20X9, Kedai Buku Ali masih merekodkan komputer pejabat pada harga belian iaitu RM3 000 walaupun harga pasaran ialah RM1 800. Apakah konsep perakaunan yang terlibat?

   A. Ketekalan
   B. Prinsip kos
   C. Tempoh perakaunan
   D. Wang sebagai ukuran

4. Belanja manakah yang tidak berkaitan dengan aktiviti utama perniagaan?

   I. Gaji
   II. Faedah atas pinjaman
   III. Susut nilai alatan pejabat
   IV. Rugi atas pelupusan kenderaan terpakai

   A. I dan II    B. I dan III
   C. II dan IV    D. IlI dan IV





5. Manakah yang merupakan hutang pihak perniagaan kepada pemiliknya?

   A. Overdraf bank
   B. Pinjaman bercagar
   C. Hutang kepada pembekal
   D. Modal yang dilaburkan dalam perniagaan

6. Apakah catatan kontra bagi Akaun Belian?

   A. Ambilan
   B. Pulangan keluar
   C. Peruntukan hutang ragu
   D. Diskaun tunai daripada pembekal

7. Pada 30 Ogos 20X6, Puan Kamala membeli barang niaga bernilai RM1 500 daripada Pembekal Yap dengan syarat 10% 7 hari, 5% 14 hari. Pada 2 September 20X6, Puan Kamala menerima nota debit bernilai RM500 daripada Pembekal Yap. Berapakah jumlah yang harus dibayar oleh Puan Kamala jika beliau membuat bayaran pada 10 September 20X6?

   A. RM950
   B. RM1 350
   C. RM1 425
   D. RM1 900

8. Antara yang berikut, bayaran manakah yang direkodkan dalam Buku Tunai Runcit?

   I. Tambang teksi RM80
   II. Ambilan tunai RM320
   III. Minuman pelanggan RM50
   IV. Belian perabot pejabat RM600

   A. I dan II
   B. I dan III
   C. II dan IV
   D. III dan IV



PASTISKOR SPM

9. Makluman kredit yang diterima oleh Perniagaan Zabir daripada pihak bank mencatat pernerimaan dividen atas pelaburan berjumlah RM450. Apakah catatan yang betul dalam Buku Tunai?

A. Debit ruangan tunai RM450
B. Debit ruangan bank RM450
C. Kredit ruangan tunai RM450
D. Kredit ruangan bank RM450

10. Pada 12 Mei 20X6, pemilik Kedai Hannah memulangkan barang niaga salah jenama kepada Pembekal Ah Chong. Apakah dokumen yang diterima olch Kedai Hannah sehagai bukti pemulangun barang niaga tersebut?

A. Invois
B. Nota debit
C. Nota kredit
D. Penyata akaun

11. Maklumat berikut diperoleh daripada Perniagaan Tapaw. Tempoh perakaunan berakhir 31 Ogos 2021.

| | RM |
|---|---|
| Untung Kasar | 18 300 |
| Kadar Bayaran | 1 200 |
| Gaji | 2 500 |
| Angkutan Masuk | 480 |
| Komisen Diterima | 870 |
| Insurans | 1 800 |

***Maklumat tambahan:** Insurans prabayar sebanyak RM1 080.

Berapakah untung bersih?

A. RM13 190
B. RM13 790
C. RM14 270
D. RM14 870





12. Maklumat berikut diperoleh daripada buku perakaunan Pasar Mini Raya 31 Disember 2020.

| | RM |
|---|---|
| Kenderaan (dibeli pada 1 Januari 2018) | 55 000 |
| Susut nilai terkumpul kenderaan | 11 000 |

**Maklumat tambaham:**
i. Kadar susut nilai kenderaan adalah 10% setahun atas kos
ii. Kenderaan telah dijual pada 31 Disember 2020

Berapakah harga jualan kenderaan tersebut jika perniagaan memperoleh untung atas pelupusan kenderaan sebanyak RM2 400?

A. RM36 100
B. RM40 900
C. RM41 600
D. RM46 400

13. Maklumat berikut diperoleh daripada Berjaya Enterprise.

| | 1 Januari 2020<br>RM | 31 Disember 2020<br>RM |
|---|---|---|
| Sewa belum terima | 1 000 | 2 000 |

Buku Tunai

| | RM | | RM |
|---|---|---|---|
| Sewa | 11 000 | | |

Berapakah sewa yang diiktiraf dalam tahun kewangan tersebut?

A. RM9 000
B. RM10 000
C. RM12 000
D. RM13 000

14. Berikut ialah harga kos sebuah kenderaan dan nilai bukunya pada 1 Januari 2020.

| | **Harga Kos** | **Nilai Buku** |
|---|---|---|
| Kenderaan | RM178 500 | RM58 800 |

Kenderaan itu disusutnilaikan pada kadar 5% mengikut kaedah baki berkurangan bagi tempoh kewangan berakhir 31 Disember 2020.
Berapakah susut nilai terkumpul kenderaan pada 31 Disember 2020?

A. RM55 860
B. RM61 740
C. RM116 760
D. RM122 640

15. Antara berikut, manakah yang menunjukkan kesilapan komisen?

A. Belian barang niaga bernilai RM1 650 daripada Pembekal Dahlan telah dicatat sebagai RM1 560
B. Bayaran kepada Pembekal Dahlia sebanyak RM1 400 dengan cek tidak direkodkan dalam mana-mana buku
C. Pulangan barang kepada Pembekal Dahlan RM660 telah didebitkan ke dalam akaun Pembekal Dahlia dan dikreditkan ke dalam akaun pulangan belian
D. Pulangan barang kepada Pembekal Dahlia telah didebitkan ke dalam akaun pulangan belian dan dikreditkan ke dalam akaun Pembekal Dahlia

16. Akaun manakah yang mempunyai baki kredit?

A. Angkutan masuk
B. Angkutan keluar
C. Pulangan masuk
D. Pulangan keluar



**PASTISKOR SPM**
**"Bijak berusaha, pasti berjaya"**

17. Pasangan manakah yang betul untuk merekod urus niaga dalam Buku Catatan Pertama?

| | **Urus Niaga** | **Buku Catatan Pertama** |
|---|---|---|
| A | Terima invois daripada pembekal barang niaga | Jurnal Am |
| B | Terima nota debit kerana invois terkurang caj | Jurnal Pulangan Belian |
| C | Kirim nota kredit kerana pemulangan barang rosak | Jurnal Pulangan Belian |
| D | Terima invois kerana pembelian van serahan | Jurnal Am |

18. Akaun di bawah ini diperoleh daripada Kedai Alat Tulis Sita.

**Akaun Perabot**

| | RM | | RM |
|---|---|---|---|
| Kedai Perabot Aman | 600 | | |

**Kedai Perabot Amal**

| | RM | | RM |
|---|---|---|---|
| | | Perabot | 600 |

Akaun tersebut akan dikelaskan kepada dua jenis lejar. Apakah jenis lejar tersebut?

| | **Akaun Perabot** | **Kedai Perabot Amal** |
|---|---|---|
| A | Lejar Am | Lejar Belian |
| B | Lejar Am | Lejar Am |
| C | Lejar Belian | Lejar Am |
| D | Lejar Belian | Lejar Belian |



PASTISKOR SPM

19. Berikut diperoleh daripada buku Perniagaan Berjaya Enterprise.

**Akaun Kawalan Belum Bayar**

| | | | RM | | | | RM |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 2021 | | | | 2021 | | | |
| Jan | 31 | Bank | 5 200 | Jan | 1 | Baki h/b | 2 600 |
| | | Diskaun diterima | 320 | | | Belian | ? |
| | | Baki h/b | 2 200 | | | | |

Berapakah belian kredit?

A. RM2 200
B. RM2 600
C. RM5 120
D. RM7 720

20. Maklumat berikut diperoleh daripada buku Perniagaan Dahlia.

| | |
|---|---|
| Insurans setahun | RM9 120 |
| Tarikh insurans bermula | 1 Jun 2020 |

Berapakah nilai insurans yang direkod dalam Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Mac 2021?

A. Insurans belum bayar RM 1 520
B. Insurans belum bayar RM 7 600
C. Insurans prabayar RM 7 600
D. Insurans prabayar RM 1 520

21. Apakah tujuan system kawalan tunai diamalkan?

A. Mengelakkan berlakunya kehilangan tunai
B. Memastikan pelaburan tunai dibuat setiap bulan
C. Memastikan dokumen sokongan dapat dijadikan bukti
D. Memastikan hutang dijelaskan dengan jumlah tunai yang mencukupi



**PASTISKOR SPM**
**"Bijak berusaha, pasti berjaya"**

22. Maklumat berikut diperoleh daripada Perniagaan Asraf Iman:

| | **RM** |
|---|---|
| Baki debit Buku Tunai | 2 300 |
| Cek Belum Dikemukakan | 500 |
| Deposit Belum Dikreditkan | 3 500 |
| Buku Tunai terkurang catat (disebelah debit) | 90 |

Berapakah baki akhir di Penyata Bank?

A. Baki debit RM520
B. Baki kredit RM520
C. Baki debit RM610
D. Baki kredit RM610

23. Maklumat berikut berkaitan Penyata Penyesuaian Bank.

**Penyata Penyesuaian Bank pada 30 Jun 2021**

| | **RM** | **RM** |
|---|---|---|
| Baki kredit di Penyata Bank | | 16 750 |
| Tambah: Deposit belum dikreditkan | 1 928 | |
| Faedah atas overdraf | 1 600 | |
| Caj bank | 70 | **R** |
| | | **S** |
| Tolak: Cek belum dikemukakan | | **(T)** |
| Baki debit di Buku Tunai | | 13 848 |

Berapakah nilai T?

A. RM20 348
B. RM6 500
C. RM3 598
D. RM2 902

24. Manakah merupakan tuntutan perkongsian terhadap pekongsi?

    A. Gaji Pekongsi
    B. Faedah atas Modal
    C. Faedah atas Ambilan
    D. Faedah atas Pinjaman

25. Antara berikut, item manakah yang dicatat dalam Ekulti Pemilik bagi sebuah perniagaan perkongsian?

    A. Untung bersih
    B. Modal pekongsi
    C. Ambilan pekongsi
    D. Rugi bersih

26. Jumlah sewa dibayar dalam Imbangan Duga ialah sebanyak RM1 600. Sewa tahunan adalah RM4 200. Berapakah nilai yang akan ditunjukkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan?

    A. Sewa prabayar RM1 600
    B. Sewa prabayar RM2 600
    C. Sewa belum bayar RM1 600
    D. Sewa belum bayar RM2 600

27. Apakah rekod minimum yang perlu disimpan oleh peniaga dalam kaedah perbandingan Rekod Tak Lengkap?
    I. Aset awal tahun dan akhir tahun
    II. Liabiliti awal tahun dan akhir tahun
    III. Aset Semasa awal tahun dan akhir tahun
    IV. Liabiliti Semasa awal tahun dan akhir tahun

    A. I dan II
    B. I dan IV
    C. II dan III
    D. III dan IV

PASTISKOR SPM





28. Imbangan Duga Mahligai Trading mempunyai beberapa kesilapan.

**<u>Imbangan Duga pada 31 Disember 2020</u>**

| | **Debit** | **Kredit** |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| Kenderaan | 13 500 | |
| Akaun Belum Terima | 1 600 | |
| Akaun Belum Bayar | | 1 300 |
| Bank | 1 560 | |
| Angkutan masuk | 615 | |
| Angkutan keluar | 625 | |
| Belian dan jualan | 4 200 | 9 150 |
| Komisen | | 850 |
| Gaji | 1 700 | |
| Modal | | 12 500 |

Selepas Imbangan Duga disediakan, kesilapan berikut dikesan:

(i) Angkutan keluar RM30 telah direkod sebagai angkutan masuk.
(ii) Komisen diterima dan belian masing-masing terlebih rekod sebanyak RM50.

Kira jumlah Imbangan Duga selepas pembetulan kesilapan.

    A. RM23 640
    B. RM23 720
    C. RM23 750
    D. RM23 800

PASTISKOR SPM

29. Maklumat berikut diperoleh daripada baki Kedai Alat Tulis Ria, sebuah perniagaan yang menyimpan rekod yang tidak lengkap.

**Penyata Mengira Untung atau Rugi bagi tahun berakhir 31 Januari 20X7**

| | RM |
|---|---|
| Y | 55 400 |
| Tambah: Ambilan | 2 500 |
| | 57 900 |
| Tolak: Modal Tambahan | (35 600) |
| Z | 22 300 |

Apakah butiran Y?

A. Modal Awal
B. Modal Akhir
C. Untung Kasar
D. Untung Bersih

30. Apakah dokumen yang perlu dirujuk oleh pekongsi sekiranya tiada sebarang perjanjian dibuat semasa menubuhkan perniaga.

A. Perjanjian Perkongsian
B. Akta Perkongsian 1961
C. Akta Syarikat 2016
D. Ikatan Perkongsian

31. Apakah butir yang direkodkan dalam Akaun Untung Rugi dan Akaun Semasa pekongsi?

A. Ambilan
B. Faedah atas modal
C. Faedah atas ambilan
D. Faedah atas pinjaman





32. Maklumat yang berikut diperoleh daripada buku perakaunan Perkongsian Serasi.

> Perkongsian Serasi telah mengutip sejumlah RM5 400 daripada akaun belum terima semasa pembubaran.

Apakah catatan bergu dalam buku Perkongsian Serasi?

| | **Debit** | **Kredit** |
|---|---|---|
| A | Bank | Akaun belum terima |
| B | Akaun belum terima | Bank |
| C | Bank | Akaun Realisasi |
| D | Akaun Realisasi | Akaun Bank |

33. Apakah persamaan antara syarikat sendirian berhad dengan syarikat awam berhad?

I. Menanggung liabiliti yang terhad
II. Hayat perniagaan yang berterusan
III. Syer disenaraikan di Bursa Malaysia
IV. Syer ditawarkan kepada orang awam

A. I dan II
B. I dan IV
C. II dan III
D. III dan IV

34. Apakah akaun yang boleh dikreditkan apabila wang lebihan langganan syer biasa dipulangkan kepada pemohon yang tidak berjaya?

A. Akaun Bank
B. Akaun Modal Syer Biasa
C. Akaun Dividen
D. Akaun Permohonan Syer Biasa



PASTISKOR SPM

35. Apakah tujuan kelab dan persatuan ditubuhkan?

I. Menjaga kebajikan ahli
II. Menjalankan perniagaan
III. Menyediakan perkhidmatan sosial
IV. Menganjurkan pertandingan antara ahli

A. I dan II
B. I dan III
C. II dan IV
D. III dan IV

36. Puan Darshinee memiliki 5,000 unit syer biasa Syarikat YD Berhad yang bernilai RM2 sesyer? Apakah kekurangannya sebagai pemegang syer biasa?

A. Tiada hak mengundi
B. Liabilitinya tidak terhad
C. Tidak menerima tunggakan dividen
D. Mendapat pulangan dividen dengan kadar yang tetap

37. Apakah butir yang direkod dalam Penyata Kedudukan Kewangan Kelab Rekreasi Murni?

A. Yuran lapuk
B. Honorarium
C. Belian alat tulis
D. Kurangan pendapatan

38. Butir manakah yang memberi kesan kepada titik pulang modal firma pengeluaran?

A. Jualan
B. Kos tetap
C. Kos jualan
D. Untung kasar

PASTISKOR SPM





39. Maklumat yang berikut diperoleh daripada Kilang SAMY.

| | |
|---|---|
| Titik pulang modal | 1 000 unit |
| Kos tetap | RM2 000 |
| Kos berubah | RM6.00 seunit |

Berapakah harga jualan seunit?

A. RM3.00
B. RM5.00
C. RM8.00
D. RM10.00

40. Mengapakah pengusaha Kilang Biskut Madura menyediakan Akaun Pengeluaran?

A. Untuk mengira lebihan tunai
B. Untuk merancang proses pengeluaran
C. Untuk mengira untung atau rugi pengeluaran
D. Untuk menentukan kos yang terlibat dalam pengeluaran

PASTISKOR SPM